

28 APR 1997

BNM: INSTITUSI KEWANGAN MESTI GUNA PERTIMBANGAN

Oleh: Yong Soo Heong

KUALA LUMPUR, 28 April (Bernama) -- Institusi kewangan mesti menggunakan pertimbangan mereka ketika memberi pinjaman kepada sektor hartanah dan saham, di samping menyokong garis panduan terbaru pinjaman oleh Bank Negara Malaysia (BNM), kata timbalan gabenornya, Datuk Fong Weng Phak, hari ini.

Beliau berkata apabila Bank Negara mengumumkan langkah-langkah kewangan pada 28 Mac lalu, ia mahu melihat dasar tegas dilaksanakan ke atas pinjaman lanjutan kepada sektor hartanah dan pembelian saham, terutama bagi tujuan-tujuan spekulatif.

"Apa yang kami mahu adalah untuk memperuntukkan semula lebih banyak sumber kewangan bagi menggalakkan perkilangan serta aktiviti-aktiviti pengeluaran lain dan mengelak daripada memberi tumpuan terhadap hartanah dan saham," katanya semasa menjawab pertanyaan Bernama.

Bagaimanapun, menurutnya, bank pusat tidak bercadang meminta institusi kewangan menarik balik pinjaman yang telah diberikan oleh mereka.

"Institusi kewangan mesti menghormati dan memberi penekanan terhadap garis panduan yang dikeluarkan agar lebih berhati-hati dan memberikan pinjaman kepada pelabur serta pembeli yang sewajarnya. Kami tidak mahu pinjaman diberi kepada aktiviti spekulatif yang menyebabkan inflasi.

"Walaupun mereka masih boleh memberi pinjaman kepada sektor-sektor terbabit, mereka mestilah mengikuti garis panduan yang dikeluarkan."

Baru-baru ini Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir memberi amaran sepatutnya tidak terlalu banyak spekulasi dalam pasaran saham.

Fong berkata angka terbaru yang diperolehi oleh Bank Negara menunjukkan sejumlah besar institusi kewangan masih mempunyai ruang yang besar untuk memberi pinjaman kepada pembelian hartanah dan saham, meskipun mereka menyokong garis panduan terbaru Bank Negara itu.

Menurutnya, tindak balas terbaru daripada institusi kewangan menunjukkan 26 daripada 37 bank komersil di negara ini masih tidak menghadkan pinjaman mereka terhadap kedua-dua sektor itu.

Sebagai tambahan, beliau berkata 31 daripada 40 syarikat kewangan tidak mencapai had tertinggi pinjaman kepada hartanah dan semua daripada mereka masih boleh memberi pinjaman kepada pembelian saham.

Bagi kes bank saudagar, dua daripada 12 bank berkenaan masih boleh memberi pinjaman kepada pembelian hartanah dan enam daripadanya kepada pembelian saham, tambahnya.

Keseluruhannya, beliau berkata terdapat kira-kira RM60 bilion hingga RM70 bilion dalam sistem perbankan untuk membiayai pembelian hartanah dan saham.

"Ia adalah satu jumlah yang besar dan menghasilkan hampir 20 peratus daripada keseluruhan jumlah pinjaman sistem perbankan," katanya.

Beliau berkata, ia tidak bermakna bank-bank itu hanya dihadkan kepada jumlah-jumlah terbabit. Jika portfolio pinjaman meningkat, mereka boleh menambahkan pinjaman kepada sektor-sektor itu, tambahnya.

Bagaimanapun ketika menekankan bahawa Bank Negara tidak akan berpatah balik kepada langkah-langkah sebelum ini, beliau menambah bank itu akan bertindak tegas bagi menjamin institusi kewangan menyokong garis panduan yang bertujuan menghalang inflasi aset dan spekulasi berlebihan dalam pasaran saham menerusi pujukan moral.

Beliau berkata walaupun situasi dalam pasaran hartanah dan saham belum mencapai tahap membimbangkan, Bank negara memutuskan untuk mengambil

langkah awal berjaga-jaga ketika ekonomi berada dalam keadaan kukuh.

Ia akan lebih membebankan jika bank pusat mengambil langkah kemudiannya dengan membenarkan keadaan terlepas tangan seperti yang berlaku di sesetengah negara Asia Pasifik.

Pada akhirnya dasar kewangan atau kredit perlu berperanan melalui institusi perbankan, katanya.

Ditanya kenapa bank pusat mensasarkan sektor hartanah dan saham, beliau berkata telah didapati bahawa terdapat kaitan antara kedua-duanya.

Fong berpendapat bahawa kredit yang mudah mungkin telah mencetuskan kenaikan mendadak di Bursa Saham Kuala Lumpur tahun lepas dimana saham papan kedua melonjak purata sebanyak 93 peratus manakala papan utama sebanyak 25 peratus.

Dalam konteks pelaburan Malaysia, beliau berkata mereka yang mengaut untung daripada pasaran saham lebih cenderung membeli hartanah yang kemudian dicagarkan kepada institusi kewangan untuk mendapatkan lebih banyak kredit bagi memasuki semula pasaran saham.

Memandangkan kitaran tersebut, beliau berkata bank pusat memutuskan untuk menangani masalah itu dari puncanya.

Menurutnya, pihak-pihak terbabit tidak sepatutnya menuduh Bank Negara mengambil tindakan terburu-buru kali ini kerana sejak beberapa tahun lalu bank pusat itu sudah mengambil tindakan tegas seperti membenarkan kadar faedah meningkat pada 1995.

Beliau berkata rizab institusi kewangan yang ditetapkan oleh undang-undang meningkat dua kali tahun lalu kepada 13.5 peratus, yang tertinggi di dunia, untuk mengekang dana berlebihan manakala levi turut dikenakan terhadap pembelian hartanah oleh pihak asing.

Meskipun dengan perlaksanaan langkah-langkah itu, ia tidak banyak menjejaskan pasaran hartanah dan saham yang berkembang dengan pantas ketika ini.

Beliau berkata untuk menaikkan kadar faedah sekali lagi adalah tidak adil kepada aktiviti-aktiviti perniagaan lain dan atas alasan ini bank pusat memutuskan untuk mengambil tindakan mengikut sektor.

Beliau juga berharap pelabur akan melihat kepada rasional pasaran saham dan tidak menggunakan garis panduan terbaru bank pusat itu sebagai alasan terhadap penurunan dalam pasaran saham baru-baru ini kerana pasaran saham lain turut mempersembahkan prestasi yang buruk.

"Mereka mesti bertindak balas terhadap tekanan pasaran yang tulen dan tidak lagi menyalahkan kepada garis panduan itu," katanya. -- BERNAMA

SHY ZK/sia